

MAIN PATERI DAN PERSEKITARAN FIZIKAL: KAJIAN KES DI KAMPUNG JEDOK, AYER LANAS, KELANTAN

*(Main Pateri and the Physical Environment: A Case Study in Kampung Jedok,
Ayer Lanas, Kelantan)*

Nur Aqidah A. Aziz
aqidah.aziz@hotmail.com

Mardiana Idayu Ahmad
mardianaidayu@usm.my

Pusat Pengajian Teknologi Industri,
Universiti Sains Malaysia

Darlina Md. Naim
darlinamdn@usm.my

Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat,
Universiti Sains Malaysia

Haron Daud
harond@yahoo.com

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,
Universiti Malaysia Kelantan

Abstrak

Main Pateri merupakan satu daripada perubatan tradisional Melayu yang popular di kawasan timur Semenanjung Malaysia dan masih menjadi pilihan masyarakat setempat untuk mengubati pelbagai jenis penyakit khususnya berkaitan kekusutan jiwa ataupun penyakit psikosomatik. Kajian ini dilakukan untuk mendokumenkan upacara ritual penyembuhan Main Pateri dan meninjau parameter fizikal persekitaran semasa berlangsungnya upacara penyembuhan tersebut. Satu lokasi kajian kes Main Pateri di Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan telah dipilih untuk mencapai

objektif kajian ini. Pemerhatian, temu bual yang mendalam dan pengukuran parameter fizikal persekitaran yang merangkumi suhu persekitaran, kelembapan relatif, halaju udara, keamatan cahaya dan tahap bunyi telah dijalankan. Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa upacara Main Pateri mempengaruhi turun naik parameter fizikal persekitaran disebabkan oleh pergerakan Tok Teri, pesakit, tari-menari, paluan alat muzik dan penonton yang keluar masuk daripada pentas Main Pateri. Selain itu, keadaan persekitaran alam semula jadi turut mempengaruhi bacaan data yang dicerap. Kajian ini juga dapat dijadikan asas untuk kajian lanjutan untuk menilai pengaruh upacara Main Pateri dan mengkaji hubungan kaitnya terhadap parameter fizikal persekitaran dengan lebih terperinci tetapi perlu dilakukan dalam persekitaran kajian yang tertutup dan terkawal.

Kata kunci: perubatan tradisional Melayu, Main Pateri, persekitaran fizikal

Abstract

Main Pateri is one of the Malay traditional medicinal practices that is still popular in the eastern part of Peninsular Malaysia, and is still one of the options selected by the local community to treat illnesses especially psychosomatic ones. This study was conducted to document the healing ritual of Main Pateri and to explore the physical environmental parameters during the ritual. In order to achieve this objective, a case study in Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan was chosen. Observation, in-depth interviews and measurements of physical environmental parameters including ambient temperature, relative humidity, wind velocity, light intensity and sound level were carried out. From the study, it can be concluded that the healing ritual of Main Pateri caused fluctuations in the physical environmental parameters due to the movement of the Tok Teri and the patient, as well as through the dance movements, musical instruments and the movement of audience. In addition, the natural environmental conditions also influenced the results of measurement. This study may serve as a fundamental basis for further and more detailed studies on the influence of Main Pateri and its relation to physical environmental parameters. However, such study would need to be performed in an enclosed and controlled environment.

Keywords: Malay traditional medicine, Main Pateri, physical environment

PENGENALAN

Perubatan tradisional merupakan kaedah perubatan berstruktur tertua di dunia. Ahli arkeologi telah membuktikan bahawa kaedah perubatan ini telah wujud sejak 6000

tahun sebelum Masihi walaupun mereka percaya amalan ini telah dipraktikkan lebih awal lagi (<http://www.traditionalmedicine.net.au>). Namun, perkembangan pesat perubatan moden Barat melalui penyelidikan saintifik yang mempunyai keberkesanan tinggi telah menenggelamkan perubatan tradisional pada mata masyarakat. Walaupun begitu, berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh World Health Organization (WHO), hampir 80 peratus masyarakat dunia masih meletakkan harapan terhadap perubatan tradisional (<http://www.who.int/mediacentre/>). Statistik ini menunjukkan bahawa perubatan tradisional masih lagi popular dan diperlukan dalam kalangan masyarakat walaupun perubatan moden telah mantap kewujudannya. Bagi mereka yang memilih perubatan tradisional percaya bahawa terdapat penyakit tertentu yang dapat dipulihkan melalui perubatan alternatif ini sahaja.

Kepelbagaian etnik telah mewujudkan kepelbagaian kaedah perubatan tradisional yang tersendiri bergantung pada kepercayaan dan kebudayaan rumpun masyarakat tersebut. Jenis pengamal perubatan tradisional dan cara mereka mengamalkannya juga berbeza dan perbezaan ini boleh diklasifikasikan dari segi cara perubatan itu sendiri, jenis ubatan herba, bahan dan alatan yang digunakan, pantang larangnya dan banyak lagi. Perubatan tradisional umumnya mempunyai prinsip yang sama, iaitu bersifat alam semula jadi. Manusia zaman dahulu mempunyai hubungan yang erat dengan alam dan tidak menghairankan jika setiap aspek kehidupan mereka berkait rapat dengan alam semula jadi. Berdasarkan kepercayaan kepada konsep ini, pengamal perubatan tradisional membawa pendekatan secara holistik dan percaya bahawa setiap elemen di bumi ini saling berhubungan. Mereka percaya bahawa setiap makhluk mahupun objek di sekeliling mempunyai semangat dan hubungan dinamik dengan persekitaran fizikalnya. Mereka percaya bahawa penyakit wujud disebabkan oleh ketidakseimbangan makhluk dengan alam sekeliling (Struthers, Eschiti dan Patchell, 2004).

Masyarakat Melayu khususnya di Malaysia mempunyai pelbagai kaedah perubatan tradisional. Perubatan tradisional Melayu meliputi aspek yang luas seperti perbomohan, dan upacara ritual yang ditunjangi oleh adat dan budaya setempat yang diwarisi secara turun-temurun sejak zaman dahulu lagi. Amalan perubatan tradisional Melayu yang melibatkan perbomohan termasuklah bomoh patah, bomoh silat, dan perbidanan. Amalan perubatan tradisional Melayu yang melibatkan upacara ritual pula, seperti Dabus, Ulik Mayang, Main Pateri dan Kuda Kepang. Selain itu, terdapat juga upacara ritual atau persembahan yang lain di Malaysia yang juga sama pentingnya, seperti Mek Mulung (*Alat Muzik dan Lagu dalam Muzik Mek Mulung*, 2006), Sewang (*Lagu-Lagu Tarian Sewang di Kalangan Masyarakat Asli: Tinjauan Dari Aspek Intrinsik*, 2011; *Muzik Sewang*, 2008).

Seperti yang dinyatakan oleh Razali (1999), perubatan tradisional Melayu ini bertujuan untuk menyembuhkan penyakit, terutamanya yang disebabkan oleh semangat jahat atau melibatkan elemen syaitan yang memasuki tubuh manusia. Kepercayaan inilah yang menjadi pegangan para pengamal perubatan tradisional. Perubatan moden pula percaya bahawa punca penyakit seseorang disebabkan oleh mikroorganisma, seperti virus dan bakteria. Walaupun terdapat perselisihan dalam bidang ini namun terdapat rekod yang membuktikan bahawa hanya sesetengah penyakit sahaja yang dapat dirawat oleh perubatan tradisional berbanding perubatan moden. Jurang yang terdapat antara bidang sains profesional dan pengamal perubatan tradisional telah menyebabkan kurangnya kajian dibuat dalam bidang ini, khususnya untuk tujuan pemahaman secara saintifik. Oleh yang demikian, banyak ahli sains dan pakar perubatan moden tidak yakin dengan perubatan tradisional, ditambah pula dengan bukti klinikal yang sememangnya tidak menyokong kaedah alternatif ini (Kothari dan Metha, 1998; Ernst, 2006). Namun Watts (1997), berpendapat bahawa pendidikan yang kita timba seharian telah menyebabkan kita tidak bersedia untuk menerima perubatan tradisional sehingga perubatan ini digelar misteri, esoterik dan primitif. Dengan mengambil kira faktor ini, kajian dijalankan dengan memfokus pada upacara Main Pateri, iaitu salah daripada upacara perubatan tradisional Melayu yang popular di timur semenanjung Malaysia. Kajian ini dilakukan berdasarkan kajian kes di sebuah lokasi di negeri Kelantan dengan pemerhatian terhadap upacara Main Pateri. Tinjauan dilakukan terhadap parameter fizikal persekitaran yang terlibat ketika ritual Main Pateri berlangsung, iaitu suhu, kelembapan relatif, halaju udara, keamatan cahaya dan tahap bunyi.

LATAR BELAKANG MAIN PATERI

Main Pateri merupakan salah satu upacara perubatan tradisional yang masih lagi diamalkan, iaitu sebuah *medico-theatrical-ritual* (Azlina dan Yusmilayati, 2011). Yang dimaksudkan *medico-theatrical-ritual* ialah persembahan ibarat sebuah drama yang berhubung kait dengan tujuan perubatan, iaitu untuk mengubati kekusutan jiwa atau pun penyakit psikosomatik. Antara penyakit yang diubati melalui upacara Main Pateri ini ialah penyakit yang disebabkan oleh rasukan makhluk halus, hilang semangat, ketidakseimbangan tenaga dalaman dan juga oleh gangguan angin (<http://umkeprints.umk.edu.my>). Main Pateri juga dikenali dengan nama Main Teri, Main Puteri atau Main Peteri. Pada masa dahulu, Main Pateri amat popular dalam kalangan masyarakat sebagai salah satu bentuk hiburan selain fungsinya sebagai rawatan penyakit (Jabatan Muzium Malaysia, 2013) yang pada berasal dari istana dan di bawah naungan raja. Kemudian, upacara ini tersebar dalam kalangan rakyat

jelata bagi tujuan mengubati orang yang sakit yang berkaitan dengan jiwa, angin dan juga semangat. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, Main Pateri diancam kepupusan akibat kebangkitan perubatan moden yang menyebabkan masyarakat tidak lagi atau kurang mempercayai perubatan alternatif. Selain itu, persembahan Main Pateri secara terbuka juga telah diharamkan oleh kerajaan Kelantan pada tahun 1991 (Aziz dan Iskandar, 2011) kerana mempunyai elemen animisme yang kuat (Azlina dan Yusmilayati, 2011).

Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh yang dikenali dengan nama Bomoh Teri atau Tok Teri. Pembantu Tok Teri pula dikenali dengan nama Tok Minduk. Unikunya perubatan tradisional ini kerana adanya kumpulan muzik, iaitu awak-awak atau dikenali juga dengan panjak yang akan mengiringi Tok Teri semasa merawat pesakit. Alat muzik yang dimainkan bukan sekadar alat muzik biasa. Setiap pukulan peralatan muzik yang dibuat seperti pukulan gendang merupakan pukulan kepada penyakit supaya penyakit yang dihidapi hilang (Aishah, 2010). Gesekan rebab pula menunjukkan panggilan yang dibuat kepada penawar penyakit. Selain itu, bantal turut digunakan dalam persembahan Main Pateri. Sebiji bantal akan diletakkan di hadapan Tok Minduk untuk menandakan sempadan kawasan antara Tok Minduk dan Tok Teri. Sempadan ini tidak boleh dilintasi oleh kedua-dua pihak kerana bantal yang digunakan menandakan batasan kuasa Tok Teri.

KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN

Lokasi Upacara

Kajian ini dijalankan di sebuah lokasi, iaitu di Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan yang melibatkan beberapa kaedah, iaitu pemerhatian kawasan upacara, sesi temu bual, pengukuran parameter fizikal persekitaran dan analisis data.

Pemerhatian Kawasan Upacara


Pemerhatian kawasan upacara dilakukan pada sebelah petang bagi tujuan mengukur dan mengambil gambar. Sebelum upacara berlangsung, kedudukan pemain muzik, pesakit dan pengubat ditentukan terlebih dahulu supaya kawasan bagi meletakkan alat pengukuran dapat ditentukan agar tidak mengganggu proses upacara yang bakal berlangsung. Rajah 1 menunjukkan pentas upacara Main Pateri di lokasi kajian kes. Selain itu, pemerhatian terhadap peralatan dan kelengkapan yang digunakan dalam upacara ritual Main Pateri ini juga dilakukan semasa upacara berlangsung.



Rajah 1 Pentas tempat berlangsungnya upacara Main Pateri.

Jadual 1 Alat pengukur yang digunakan untuk mengukur parameter alam sekitar.

Parameter fizikal persekitaran	Alat pengukur yang digunakan
Suhu persekitaran	<i>HOBO U12-012 Data Logger Temperature</i> Lingkungan pengukuran: -20°C to 70°C
Kelembapan relatif	<i>HOBO U12-012 Data Logger RH</i> Lingkungan pengukuran: 5% to 95% RH
Keamatan cahaya	<i>HOBO U12-012 Data Logger Light Intensity</i> Lingkungan pengukuran: 1 to 3000 lumens/kaki2
Halaju udara	<i>Degree Controls Air Velocity Sensor</i> Lingkungan pengukuran: 0 to 10 m/s
Tahap bunyi	<i>CENTER 322 Sound Level Meter</i>



Rajah 2 Pelan pentas.



Rajah 3 Gambar di dalam bulatan menunjukkan lokasi alat pengukuran yang diletakkan di atas pentas.

Sesi Temu Bual

Selepas pemerhatian kawasan dilakukan, satu sesi temu bual telah dijalankan bersama-sama dengan Tok Teri dan Tok Minduk. Sesi temu bual ini dijalankan secara mendalam yang bertujuan untuk mendapatkan pemahaman terperinci mengenai upacara ritual dan kaedah rawatan tradisional Main Pateri, selain untuk mengenali Tok Teri dan Tok Minduk dengan lebih lanjut. Antara soalan yang ditanyakan termasuklah soalan demografi, pengalaman menuntut ilmu Main Pateri, pengalaman menjadi Tok Teri dan bomoh dan kepakaran khusus dalam mengubati penyakit tertentu.

Pengukuran Parameter Fizikal Persekitaran

Pengukuran parameter fizikal persekitaran, iaitu suhu persekitaran, kelembapan relatif, halaju udara, keamatan cahaya dan tahap bunyi dijalankan untuk meninjau pengaruh upacara ritual ini terhadap parameter tersebut. Jadual 1 menunjukkan alat pengukur yang digunakan untuk setiap parameter. Kesemua alatan diletakkan di atas pentas berhampiran dengan upacara. Lihat Rajah 2 dan Rajah 3. Bagi tujuan dokumentasi, kamera video digunakan untuk merakamkan peristiwa yang berlaku semasa upacara Main Pateri berlangsung.

Kaedah Analisis Data

Data yang dicerap kemudiannya dianalisis dengan menggunakan perisian *Hoboware Pro* dan *SE322* untuk alat pengukur bunyi.

PEMERHATIAN RITUAL MAIN PATERI

Latar Belakang Tok Teri

Tok Teri yang mengetuai ritual Main Pateri ini ialah Che Mohd. Zailani Bin Che Moh atau lebih dikenali dengan nama “Abang Mat Tok Bomoh”. Berusia 47 tahun, beliau telah berpengalaman dalam bidang perubatan Melayu khususnya dalam Main Pateri lebih 20 tahun. Persembahan Main Pateri yang diketuai oleh beliau telah mendapat banyak undangan untuk persembahan, sama ada di dalam mahupun di luar negara. Beliau menerima jemputan persembahan di Korea pada tahun 2010, dan dokumentari mengenainya telah pun disiarkan di Jepun pada tahun 2007. Selain itu, beliau juga mendapat jemputan daripada institusi dalam negara seperti Jabatan Muzium Malaysia. Dalam masa yang sama, persembahan Main Pateri yang diketuai oleh Abang Mat ini turut mendapat liputan meluas dalam akhbar dan televisyen tempatan (temu bual bersama Abang Mat, 2012).

Menurut Abang Mat lagi, ilmu perubatan tradisional yang melibatkan Main Pateri ini diwarisi melalui keturunannya. Beliau mengukuhkan ilmu yang diwarisi tersebut dengan menuntut atau mempelajari dengan lebih mendalam daripada guru (pengamal perubatan tradisional) yang terdapat di Malaysia, di serata negeri di Kelantan dan juga di negara yang bersempadan, iaitu Siam dengan jumlah guru seramai 18 orang. Selain mempunyai kepakaran dalam upacara ritual Main Pateri, beliau juga berkebolehan mengubati pesakit melalui amalan perbomohan biasa yang melibatkan bacaan jampi. Setiap guru mempunyai kepakaran yang berbeza. Contohnya, beliau mempelajari cara membaca penyakit melalui balingan beras melalui seorang guru dan mempelajari bacaan jampi pula melalui seorang guru yang lain. Minat yang mendalam ditambah dengan warisan bomoh yang mengalir dalam keturunannya membuatkan beliau sentiasa bersemangat untuk menuntut ilmu baharu berkaitan perubatan tradisional.

Upacara Main Pateri

Kebiasaannya hanya penyakit yang telah mencapai tahap kronik sahaja yang akan dirawat dengan menggunakan upacara Main Pateri. Sekiranya penyakit itu dalam kategori biasa, penyembuhan penyakit tersebut tidak memerlukan upacara ritual Main Pateri, sebaliknya hanya akan diubati secara perbomohan biasa. Dalam upacara Main Pateri ini, sebuah pentas khas digunakan sebagai tempat pengubatan dan berlangsungnya upacara Main Pateri. Persembahan bermula pada waktu malam, iaitu selepas waktu Isyak dan berakhir kira-kira jam 01:00. Di pentas ini terdapat sehelai kain yang telah siap dipasang di bahagian bumbung di hujung pentas (Rajah 4). Kain ini dipanggil lelangit. Sesiapapun tidak dibenarkan melalui bahagian bawah lelangit ini semasa persembahan berlangsung kerana lelangit yang dipasang dipercayai menjadi tempat perantaraan atau tempat laluan untuk makhluk ghaib memasuki badan si pesakit (Aishah dan Abdul Aziz, 2012), yang merupakan pantang larang dalam upacara ini.

Sebelum upacara dimulakan, lelangit akan dihiasi dengan pelbagai jenis bunga yang berwarna terang dan berbau harum. Menurut Tok Teri, bunga yang dijadikan perhiasan di lelangit bertujuan menarik minat makhluk ghaib (Rajah 5). Antara bunga yang digunakan termasuklah bunga cempaka, kenanga, melur, tanjung, serta bunga kertas berwarna merah dan ungu. Seperti yang diterangkan dalam kajian yang dilakukan oleh Aishah dan Abd. Aziz (2012) jumlah bunga yang digunakan biasanya dalam angka yang ganjil, iaitu tiga, lima, tujuh, sebelas atau tiga belas. Menurut Endicoot (1981) pula, tumbuhan yang digunakan dipercayai akan membawa kebaikan, kemujaraban serta keberkatan kepada pesakit serta seluruh ahli persembahan Main Pateri.



Rajah 4 Gambar di dalam bulatan menunjukkan lelangit yang digantung di atas bumbung pentas.



Rajah 5 Tok Minduk sedang menggantung bunga yang telah siap diikat di bahagian bawah lelangit.

Upacara Main Pateri berlaku dalam suasana meriah dan diiringi oleh paluan alat muzik yang dimainkan oleh sekumpulan pemuzik yang terdiri daripada lima orang ahli dan diketuai oleh seorang Tok Minduk. Antara alatan yang digunakan oleh kumpulan ini termasuklah gong (dua buah), gendang kecil (dua buah), gendang besar (sebuah), dram Cina yang kecil (dua buah), piring bersama dengan alat pengetuk (dua buah), alatan gamelan (dua buah) seruling, serta rebab. Alatan yang digunakan dalam upacara ini dapat dilihat melalui Rajah 6.

Sebelum persembahan dimulakan, alatan muzik yang dibawa diasapkan terlebih dahulu di bawah bara yang ditabur kemenyan sebagai simbol penyucian. Aktiviti ini dilakukan di bawah langit selepas siap dihiasi. Tugas mengasap alat muzik dan makanan telah menjadi tugas Tok Minduk. Semasa upacara ini dilakukan, Tok Minduk akan membacakan jampi bersama dengan bacaan selawat. Bukan itu sahaja, bunyi alunan rebab turut dimainkan oleh Tok Teri semasa upacara penyucian dilakukan. Hidangan yang dikenali dengan nama “Semangat Tok Teri” atau “Hikayat Tok Bomoh” merupakan hidangan yang dipercayai mampu memulihkan semangat Tok Teri sekiranya dimakan (Aishah dan Abdul Aziz, 2012). Semangat Tok Teri berkemungkinan menjadi lemah ketika mengubati pesakit. Makanan ini terdiri daripada telur rebus yang kulitnya hanya dibuka di bahagian atas dan pulut kuning, daun sirih pinang dan bertih perlu diasapkan secara bersendirian tidak seperti makanan yang lain, diasapkan bersama-sama di atas dulang (Rajah 7). Seterusnya hidangan ini digantung di atas kayu yang telah tersedia tempatnya, iaitu berhampiran dengan tempat langit dipasang dan berada di atas tempat duduk Tok Minduk.



Rajah 6 Kumpulan muzik dan alat muzik yang digunakan dalam persembahan Main Pateri.



Rajah 7 Hidangan “Semangat Tok Teri” atau juga dikenali “Hikayat Tok Bomoh” diasapkan secara bersendirian.



Rajah 8 Terdapat dua dulang yang dipenuhi pelbagai jenis makanan yang digunakan untuk menjamu makhluk ghaib.

dalam dua biji gelas, dua mangkuk air putih yang direndam dengan pelbagai jenis bunga; dipercayai untuk semangat dan aromaterapi (Aishah dan Abdul Aziz, 2012), sebiji kelapa dan bertih seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.

Pesakit dan Simptom

Pada malam upacara ritual Main Pateri ini diadakan, seorang pesakit wanita yang berusia lingkungan 40-an tampil untuk diubati. Beliau merupakan suri rumah tangga sepenuh masa dan seorang yang pemalu. Pada awalnya beliau menolak untuk diubati secara perubatan Main Pateri namun setelah dipujuk oleh anaknya beliau akur. Sakit yang dialami oleh wanita ini ialah sejenis sakit saka namun sakit yang dialami ini belum sampai pada tahap yang teruk. Walau bagaimanapun, menurut Tok Teri pesakit ini memerlukan rawatan Main Teri kerana penyakit yang dialami telah lama ditanggung. Bukan itu sahaja, pesakit juga dibebankan dengan sakit lemah semangat dan beliau juga pernah terjatuh ketika berada di tandas dan mengalami bengkak pada bahagian pinggulnya. Pada peringkat awal, pesakit diminta naik ke pentas dan duduk secara berlunjur kaki di bawah langit menghadap para penonton. Ketika ini, Tok Teri mula bercerita dan kandungan ceritanya terdiri daripada meminta izin, menghebah dan meminta pertolongan daripada tuhan dan makhluk ghaib yang baik. Penceritaan ini diselang-selikan dengan penceritaan Tok Minduk yang meminta perkara yang sama. Ketika bercerita, Tok Teri dan Tok Minduk menggunakan bahasa yang agak sukar untuk difahami, iaitu penggunaan bahasa Kelantan pekat atau dikenali dengan bahasa “Arab Kelantan” (Azlina dan Yusmilayati, 2011). Cerita yang disampaikan turut menggunakan bahasa sastera Melayu terdahulu. Semasa Tok Teri dan Tok Minduk bercerita muzik iringan turut dimainkan.

Seterusnya pada peringkat kedua, iaitu peringkat mengenal pasti jenis dan penyebab penyakit. Peringkat ini dimulakan apabila Tok Teri mendekati pesakit sambil membaca jampi yang sekali lagi sukar untuk difahami. Apabila diteliti jampi yang dibaca ketika ini adalah sama seperti yang digunakan untuk mengubati pesakit biasa yang tidak memerlukan upacara Main Pateri. Ketika ini Tok Teri menyentuh kepala pesakit dengan menggunakan hujung ibu jari tangan seiring dengan bacaan jampi yang dibacakan dengan nada yang kuat dan nyaring. Selepas itu, Tok Teri mula menepuk-nepuk belakang badan pesakit dan menari di sekeliling pesakit. Selepas beberapa ketika, muzik seruling dihentikan dan Tok Teri duduk menghadap Tok Minduk dan menyambung cerita sesama sendiri. Ketika mereka duduk bersama, Tok Teri menceritakan perihal si pesakit kepada Tok Minduk. Selepas mereka habis bercerita Tok Teri mula bangun dan mendekati pesakit sekali lagi dengan iringan muzik. Peringkat ini merupakan peringkat merawat dan penyembuhan penyakit.

Pada waktu ini, Tok Teri memulakan perbualan dengan pesakit dan merangsang pesakit untuk turut menari mengikut muzik yang dimainkan. Walaupun muzik yang dimainkan telah berganti beberapa kali namun pesakit masih enggan menari. Berdasarkan temu bual bersama Tok Teri selepas upacara, “angin” pesakit tidak keluar sepenuhnya memandangkan ramai penonton yang melihatnya dan ditambah pula dengan video yang dirakam serta pengambilan foto oleh para penyelidik. Muzik tetap diteruskan dan pelbagai jenis muzik telah dimainkan. Setiap kali muzik baharu dimainkan penonton yang mempunyai “angin” yang dikaitkan dengan muzik tersebut akan naik ke pentas dan turut menari bersama. Sepanjang tempoh ini, pesakit berkali-kali diajak menari. Akhirnya pesakit akur dan menari bersama penari yang lain untuk beberapa lagu.

Upacara Main Pateri ini masih lagi diteruskan dan pelbagai lagu telah dimainkan. Para penari juga turut silih berganti. Keadaan ini diteruskan bertujuan menarik minat pesakit untuk turut bersama dalam persembahan. Dalam tempoh ini terdapat beberapa tarian yang membuat penonton menari secara agresif. Ketika lagu silat dimainkan, penonton yang mempunyai “angin silat” akan berlawan silat dengan penonton lain.




Rajah 9 Penari yang menari secara agresif disebabkan anginnya yang datang, telah ditenangkan oleh Tok Teri pada pengakhiran upacara.

Sekali-sekala penonton akan bersilat dengan Tok Teri. Selain itu, penonton yang mengalami “angin kuda kepang” turut menari secara agresif. Menurut Tok Teri, penari yang menari secara agresif berpunca daripada angin pesakit yang telah dipindahkan ke tubuh penari. Sepanjang tempoh persembahan pelbagai tarian telah dipersembahkan seperti tarian joget, dan mak yong selain dari silat dan kuda kepang. Upacara berakhir kira-kira jam 00:30. Secara keseluruhannya, penyakit yang dialami oleh pesakit telah dapat diubati melalui tubuh orang lain. Pada pengakhiran upacara, penonton yang telah menari secara agresif telah ditenangkan oleh Tok Teri dan duduk melunjur kaki sambil mengapit pesakit. Sebelum berakhir, Tok Teri membacakan jampi untuk pesakit dan penari (Rajah 9).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Persekitaran Fizikal

Dalam kajian ini, lima penunjuk parameter fizikal persekitaran (Jadual 1) telah diukur sepanjang proses upacara Main Pateri berlangsung. Kedudukan alat pengukur di pentas upacara Main Pateri adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.



Rajah 10 Graf menunjukkan nilai bacaan bagi tahap bunyi yang diukur melawan masa.

Jadual 2 Nilai bacaan purata, maksimum dan minimum bagi parameter tahap bunyi.

Purata	Maksimum	Minimum
93.7	102.4	64.6


Tahap bunyi

Pengukuran tahap bunyi dilakukan dengan mengambil bacaan sebanyak 298 pada setiap 30 saat sepanjang upacara berlangsung. Rajah 10 menunjukkan nilai bacaan yang diwakili oleh parameter bunyi. Sepanjang tempoh pencerapan, didapati bahawa terdapat perubahan turun dan naik yang banyak pada bacaan. Penurunan bacaan dapat dilihat dalam rajah yang bermula pada masa 21:47 dan berakhir pada 00:11. Setelah diteliti dengan video yang diambil, perubahan ini terjadi kerana muzik yang mengiringi persembahan Main Pateri tidak dimainkan secara berterusan. Nilai bacaan yang menurun menunjukkan muzik terhenti dan peningkatan nilai bacaan pula disebabkan muzik dimainkan semula. Sepanjang tempoh persembahan diadakan, nilai bacaan yang tinggi sentiasa melebihi 100 dB. Situasi ini berlaku kerana alat muzik yang dimainkan disambung terus pada alat pembesar suara menyebabkan bacaan yang dicatatkan sentiasa menunjukkan tahap yang tinggi.

Nilai bacaan minimum yang dicatatkan pula ialah 64.4 dB, iaitu pada masa ke 22:22. Mengikut video yang diambil, pada masa ini kesemua alat muzik tidak lagi dimainkan. Hanya kedengaran suara Tok Teri membaca jampi dan bercerita. Namun situasi ini turut dipengaruhi oleh suara para penonton di bahagian bawah pentas upacara. Nilai bacaan purata yang dicatatkan pula ialah 93.7 dB.

Suhu persekitaran, kelembapan relatif dan keamatan cahaya

Merujuk Rajah 11, graf suhu persekitaran yang diwakili oleh garisan hitam menunjukkan bacaan yang semakin meningkat apabila menghampiri jam 00:00, iaitu



Rajah 11 Graf menunjukkan parameter suhu (°C), kelembapan relatif (%) dan keamatan cahaya (Lux) melawan masa.

Jadual 3 Nilai bacaan purata, minimum dan maksimum bagi parameter suhu persekitaran, kelembapan relatif dan keamatan cahaya.


Parameter/Nilai	Suhu Persekitaran (°C)	Kelembapan Relatif (%)	Keamatan Cahaya
Purata	25.85	89.00	92.6
Minimum	25.38	85.47	11.8
Maksimum	26.67	91.39	350.8

penamatan upacara Main Pateri. Data ini disokong oleh graf kelembapan relatif yang diwakili oleh garisan berwarna biru. Bacaan suhu yang meningkat pada pertengahan sehingga ke akhir upacara persembahan disebabkan oleh para penonton yang tidak putus-putus naik ke atas pentas kerana terpenggil untuk menari mengikut muzik yang dimainkan. Dengan keadaan pentas yang kecil ditambah pula dengan jumlah penari yang ramai sememangnya banyak menyumbang kepada peningkatan suhu. Selain itu, graf keamatan cahaya yang diwakili oleh garisan berwarna hijau telah menunjukkan penurunan selepas jam 23:20. Keadaan ini mempunyai penjelasan yang sama, iaitu kehadiran orang ramai di atas pentas telah menyebabkan keamatan cahaya yang diukur terganggu. Nilai bacaan purata, maksimum dan minimum bagi setiap parameter dapat dilihat pada Jadual 3.

Berdasarkan Jadual 3, nilai bagi suhu persekitaran sama ada nilai purata, maksimum atau minimum tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Nilai maksimum yang dicatatkan hanyalah setinggi 26.67 °C walaupun ketika ramai orang berada di pentas kerana persekitaran pentas yang terbuka membenarkan pergerakan angin keluar dan masuk. Bagi parameter kelembapan relatif, nilai tertinggi yang dicatatkan ialah 91.39 peratus. Nilai bacaan ini telah dicatatkan pada masa 21:56, iaitu pada peringkat awal persembahan dan peningkatan kelembapan ini secara tiba-tiba. Peningkatannya seiring dengan parameter yang lain (Rajah 11). Nilai keamatan cahaya yang dicatatkan ketika ini telah mencatatkan nilai maksimum, iaitu 350.8 *Lux*.

Halaju udara

Berdasarkan Rajah 12, terdapat banyak perubahan naik dan turun telah dicatatkan. Keadaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuklah pergerakan Tok Teri sendiri yang kerap menari dan bergerak ke sana dan ke mari sepanjang persembahan berlangsung. Selain itu, perubahan naik dan turun juga dipengaruhi oleh para penonton yang turun dan naik ke pentas dan juga ketika penonton menari. Para penyelidik yang berada di atas pentas turut mempengaruhi nilai bacaan



Rajah 12 Graf menunjukkan nilai bacaan halaju udara yang telah dicerap sepanjang upacara Main Pateri berlangsung.

Jadual 4 Nilai bacaan purata, minimum dan maksimum bagi parameter halaju udara.

Parameter/ Nilai	Halaju Udara (m/s)
Purata	0.348
Minimum	0.231
Maksimum	0.832

kerana pergerakan para penyelidik yang bertujuan untuk menangkap video dan juga mengambil foto. Berdasarkan Rajah 12, terdapat dua puncak tertinggi, iaitu dicatatkan pada jam 22:43 dan 23:01. Setelah dibandingkan dengan video yang diambil, sepanjang tempoh tersebut banyak lagu rancak yang dimainkan maka ramai penonton yang turut menari dan seterusnya mempengaruhi halaju udara yang sedang dicerap. Ketika jam 22:43 dan 23:01, penari yang mempunyai “angin silat” akan turut bersilat di atas pentas. Persembahan silat yang agresif telah dipersembahkan menyebabkan halaju udara ketika itu amat terganggu berbanding waktu yang lain.

Jadual 4 menunjukkan nilai bacaan halaju udara yang dicerap dengan nilai maksimumnya ialah 0.832 m/s, nilai minimum 0.231 m/s dan nilai puratanya ialah 0.348 m/s.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian kes ini, jelas menunjukkan bahawa upacara ritual perubatan tradisional Main Pateri melibatkan gabungan penggunaan pelbagai alatan muzik, pergerakan, sumber alam semula jadi, makanan, tumbuh-tumbuhan dan alunan lagu

yang bertujuan untuk mengubat kekusutan jiwa (*medico-theatrical-ritual*) seperti yang dinyatakan oleh Azlina dan Yusmilayati, (2011). Teknik penyembuhan penyakit untuk mengubati “angin” pesakit yang disebabkan oleh semangat jahat (Razali, 1999) yang memasuki tubuh badan manusia dalam upacara Main Pateri melibatkan pelbagai elemen yang secara langsung memberikan kesan kepada parameter fizikal persekitaran.

Dapatan data yang kedua pula melalui pengukuran parameter fizikal persekitaran. Berdasarkan data yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa Main Pateri mempengaruhi turun dan naik parameter fizikal persekitaran yang disebabkan oleh pergerakan Tok Teri, pesakit, penari, alat muzik dan penonton yang keluar masuk daripada pentas Main Pateri.

Selain itu, seperti yang dinyatakan oleh Aishah (2010), setiap pukulan alat muzik yang dimainkan dalam upacara Main Pateri merupakan pukulan kepada penyakit supaya penyakit tersebut hilang yang sekali gus turun naik alunan pukulan ini mempengaruhi bacaan parameter fizikal semasa upacara Main Pateri. Daripada data yang diperoleh, bagi tahap bunyi, nilai bacaan minimum yang dicatatkan ialah 64.4 dB, manakala nilai bacaan maksimum ialah 102.4 dB. Selain itu, keadaan persekitaran alam semula jadi turut mempengaruhi bacaan data yang dicerap. Suhu persekitaran yang dicatat semasa berlangsungnya upacara ritual perubatan Main Pateri dalam kajian kes ini adalah antara 25.38 hingga 26.67°C dengan kelembapan relatif persekitaran paling maksimum pada 91.39 peratus dan halaju udara antara 0.231 hingga 0.832 m/s.

Penambahbaikan dan kajian lanjut boleh dijalankan untuk menilai pengaruh Main Pateri dan mengkaji hubung kaitnya terhadap parameter fizikal persekitaran. Walau bagaimanapun, keadaan ini memerlukan satu lagi kajian kes bagi upacara Main Pateri di tempat yang tertutup dan mengambil kira pelbagai faktor dan pemboleh ubah. Kawasan kajian kes tersebut perlu dikawal daripada gangguan faktor luar dan parameter fizikal persekitaran perlu diukur sebelum, semasa dan selepas upacara dilakukan. Oleh itu, data yang diperoleh dapat dibandingkan antara tiga keadaan tanpa gangguan daripada faktor luaran.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atas Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS), (Kearifan Tempatan) dengan nombor akaun R/LRGS/A02.00/00559A/004/2012/000089, pihak USM, UMK dan juga semua yang terlibat dalam menjayakan kajian kes ini.

RUJUKAN

- Aishah Mohamed dan Aziz A. Bidin, “Tumbuhan dalam Upacara Perbomohan: Kes Main Teri di Kelantan” dlm. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8, 4, 56 -63, 2012.
- Aishah Haji Mohamed, A Aziz Bidin, “Kepercayaan, tumbuhan ubatan dan orang Melayu” dlm. *Manusia dan Masyarakat* 19, 70 – 84, 2010.
- Aziz Ab. Shuaib dan Iskandar R. Raja Halid, 2011. *The Research for Middle Path: Islam and The Traditional Malay Performing Arts*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos, “Simptom-simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan” dlm. *Jurnal Melayu*, 8, 233-49, 2011.
- Ernst, E, “Mistletoe as a Treatment for Cancer – Has in Proved Benefit, and Can Cause Harm” dlm. *British Medical Journal*, 333, 7528, 1282-283, 2006.
- Haron Daud, 2013. “Tradisi Lisan Dan Pelancongan Di Malaysia: Satu Saranan” dlm. <http://umkeprints.umk.edu.my/180/1/Paper%201.pdf> (Capaian 6 Februari 2013)
- Jabatan Muzium Malaysia, (2013). *Sejarah Main Pateri*. Main Peteri – Jabatan Muzium Malaysia (Laman Web). <http://www.jmm.gov.my/ms/main-peteri>. (Capaian 11 Februari 2013)
- Kothari, M., and Mehta, L., 1988. “Violence in Modern Medicine” dlm. *Bab 5 dalam A. Nandy (ed.), Science, Hegemony and Violence: A Requiem for Modernity*. Oxford: Oxford University.
- Razali, S.M., “Conversion Disorder: A Case Report of Treatment with the Main Pateri, a Malay Shamanistic Healing Ceremony” dlm. *Eur Psychiatry*, 14, 470-72, 1999.
- Struthers, R., Eschiti, V.S., dan Patchell, B., “Traditional Indigenous Healing: Part 1” dlm. *Complementary Therapies in Nursing & Midwifery*, 10, 141-49, 2004.
- Traditional Medicine, 2003. “Traditional Healing – Traditional Medicine” dlm. <http://www.traditionalmedicine.net.au/tradheal.htm>. (Capaian 6 Februari 2013)
- Watts, D., 1997. *Political Communication Today*. Manchester, UK:MUP.
- World Health Organization, WHO (2008). “Traditional Medicine “ dlm. [Laman Web]. <http://www.who.int/mediacentre/factsheets/fs134/en/>. (Capaian 10 Februari 2013)